

Manfaat pelekat pemantul cahaya kepada pengguna

PADA 6 Oktober lalu, *Kosmo!* melaporkan, bermula Januari tahun depan, semua kenderaan perdagangan diwajibkan untuk memasang pelekat pemantul cahaya bagi mengurangkan kemalangan jalan raya membabitkan kenderaan berat.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Nadzri Siron, langkah tersebut dilaksanakan berikutan terdapat banyak kemalangan terutamanya pada waktu malam membabitkan kenderaan perdagangan yang sering diletakkan di tepi jalan kerana rosak.

"Daripada 18 juta kenderaan berdaftar pada tahun lalu, terdapat sebanyak 1.2 juta buah kenderaan perdagangan dan berdasarkan statistik, 18 kematian berlaku setiap hari. Justeru, kita harap pelaksanaan pelekat pemantul cahaya ini, jumlah kemalangan dapat dikurangkan," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya baru-baru ini.

Mengulas lanjut mengenai hal itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Law Teik Hua berkata, beliau menyambut baik usaha yang dilakukan dan pelaksanaan pelekat pemantul cahaya ke atas semua kenderaan perdagangan.

Jelasnya, pelaksanaan tersebut dilihat bakal mengurangkan lagi kes kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang motosikal dengan kenderaan berat di lebuh raya.

Kemalangan

"Hal ini kerana, penunggang motosikal dan kenderaan berat secara amnya akan menggunakan lorong kiri ketika berada di lebuh raya. Jika dilihat sebelum ini, banyak kes nahas jalan raya yang melibatkan motosikal bertembung dengan kenderaan berat ekoran tiada lampu yang menyala atau rosak di belakang kenderaan.

"Jadi, pelaksanaan untuk mewajibkan pelekat pemantul cahaya ini ke atas semua kenderaan perdagangan ini



KERATAN akhbar menunjukkan gesaan implementasi pelekat pemantul cahaya pada kenderaan perdagangan.



NADZRI menunjukkan pelekat pemantul cahaya yang mematuhi piawaian MS828:2011 sahaja wajib dipasang kepada semua kenderaan perdagangan di seluruh negara berkuat kuasa 1 Januari 2017.


Sementara itu, Pakar Psikologi Trafik Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Rozmi Ismail pula berkata, beliau turut bersetuju dengan pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak JPJ.

Katanya, pelaksanaan itu sekali gus dapat memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya lain dengan kehadiran kenderaan di hadapan mereka, ia juga secara tidak langsung mengingatkan mereka supaya lebih berhati-hati.

"Penggunaan pelekat pemantul cahaya ini banyak memberikan kebaikan kepada kita khususnya kepada pengguna jalan raya, jadi kempen kesedaran penggunaan pelekat pemantul cahaya ini juga perlu diperluas ke seluruh negara," katanya.

Bagaimanapun Rozmi memberitahu, pelekat pemantul cahaya tidak boleh tertumpu pada hanya kenderaan perdagangan sahaja, ia juga boleh dilaksanakan kepada semua jenis kenderaan yang ada di negara kita.

"Jika pelaksanaan ini dapat direalisasikan, kita akan dapati jalan raya akan lebih selamat," ujarnya.



PENGGUNAAN pelekat pemantul cahaya diharap dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan berat. - Gambar hiasan.

adalah wajar dan baik untuk semua pihak khususnya bagi penunggang motosikalnya membantu mereka daripada terlibat dalam kemalangan jalan raya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Teik Hua, pelekat pemantul cahaya itu juga perlulah mematuhi piawaian Malaysia Standard MS828:2011 yang diiktiraf SIRIM Berhad.

"Banyak kemalangan pada waktu malam membabitkan kenderaan perdagangan yang sering diletakkan di tepi jalan kerana rosak dan ketiadaan cahaya lampu belakang atau pelekat pemantul cahaya boleh mengakibatkan berlakunya kemalangan terhadap kenderaan lain," ujarnya.



TEIK HUA



ROZMI